

StraComm USIM bantu anak yatim

IKHLAS. Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah membawa sebanyak 22 anak-anak Rumah Anak Yatim Asnaf Murni Sendayan, Negeri Sembilan membeli barangan persekolahan di pasar raya, Tesco Bandar Baru Nilai, Negeri

Sembilan baru-baru ini.

Anak-anak yatim tersebut dibawa membeli-belah untuk mendapatkan keperluan persekolahan bagi sesi 2016 seperti baju seragam, kasut, alat tulis, beg sekolah dan pakaian sukan.

Menurut Timbalan

Pendaftar Kanan StraComm, Mohd. Asri Husain, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu dilaksanakan bagi memberi kegembiraan kepada anak-anak yatim sebagai menutup tahun 2015 dengan aktiviti berbentuk amal kebajikan.



KAKITANGAN StraComm USIM bergambar bersama anak-anak Rumah Anak Yatim Asnaf Murni Sendayan selepas membawa mereka membeli barangan keperluan persekolahan di Tesco Bandar Baru Nilai, baru-baru ini.